

15 SEP 1996

Mahathir-Pelaburan

PM YAKIN LEBIH BANYAK PELABURAN MALAYSIA DI ZIMBABWE

Oleh: K.C. Leong

HARARE, 15 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan keyakinannya bahawa Zimbabwe akan menerima lebih banyak pelaburan syarikat-syarikat Malaysia pada masa akan datang.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis taklimat di Industrial Development Corporation of Zimbabwe Ltd (IDC) di sini, Perdana Menteri berkata pada masa ini, kebanyakan pelaburan firma-firma Malaysia di negara ini adalah dalam bidang perumahan dan infrastruktur.

Dr Mahathir berkata daripada taklimat itu, beliau berpendapat Zimbabwe adalah dalam peringkat permulaan proses perindustrian yang menyamai Malaysia semasa ia memulakan proses perindustriannya sendiri.

Oleh itu lebih banyak pelaburan diperlukan pada peringkat ini bagi pembangunan infrastruktur, kata Dr Mahathir, yang kini dalam rangka lawatan lima hari ke Zimbabwe. Beliau juga akan menghadiri Sidang Kemuncak Solar Dunia di sini selama dua hari bermula esok.

Semalam, Perdana Menteri menghadiri mesyuarat pertama Suruhanjaya Solar Dunia yang dianggotai 16 ketua kerajaan dan kerajaan. Beliau dilantik sebagai Naib Pengerusi suruhanjaya, yang ditubuhkan bagi menyediakan bimbingan dan kepimpinan dalam pelaksanaan projek-projek yang bakal ditentukan oleh sidang kemuncak itu.

Perdana Menteri juga berkata kebanyakan pelaburan syarikat swasta Malaysia di negara selatan Afrika ini, yang mempunyai 11 juta penduduk, ialah dalam bidang perumahan dan infrastruktur kerana syarikat berkenaan mempunyai kepakaran dalam bidang itu.

"Tetapi syarikat-syarikat Malaysia akan melabur dalam bidang lain apabila kemudahan infrastruktur asas telah diadakan," katanya.

Ketika ditanya mengenai kurangnya sambutan negara-negara maju terhadap sidang kemuncak itu, Dr Mahathir beliau tidak pasti mengenainya selain daripada kemungkinan bahawa mereka tidak berminat untuk membangunkan dan menggunakan solar serta bahan lain sebagai sumber tenaga yang diperbaharui.

Menjawab soalan mengenai pembiayaan 300 projek keutamaan yang telah dikenal pasti untuk pelaksanaan, Dr Mahathir bersetuju bahawa ia menimbulkan masalah tetapi menambah kata negara-negara membangun terpaksa bergantung kepada diri sendiri.

Dalam sesetengah keadaan, beliau berkata ini mungkin membolehkan Sidang Kemuncak Solar Dunia berjaya dalam pelaksanaan program-program tindakannya tidak seperti Sidang Bumi Rio yang gagal membuahkan hasil kerana negara-negara maju berjanji memberi sumbangan tetapi tidak menunaikan janji itu.

Beliau berkata walaupun kos awal pelaksanaan projek-projek itu tinggi, kos berikutnya mungkin sedikit yang melibatkan penyenggaraan sahaja.

Pada masa yang sama, terdapat beberapa teknologi yang sedia ada di Selatan dan adanya peluang bagi negara-negara membangun untuk bekerjasama dengan bertukar dan berkongsi pengetahuan, kata Dr Mahathir.

Terdahulu, Dr Mahathir diberi taklimat mengenai perkembangan projek usahasama antara IDC, yang dimiliki kerajaan Zimbabwe dan Kumpulan Sungai Way, Malaysia untuk membangunkan taman perindustrian seluas 1,500 hektar di pinggir bandar Harare.

Yang turut hadir pada majlis taklimat itu ialah Menteri Perdagangan dan Industri Zimbabwe, Nathan Shamuyarira dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sungei Way, Tan Sri Jeffrey Cheah.

Kemudian, Dr Mahathir akan menyaksikan penganugerahan projek

penjualan stesen tenaga Hwange oleh Kementerian Pengangkutan dan Tenaga  
LKS NAK